

## **Grains of Thought (2015)**

### **Karya oleh Eng Tow**

Seniman Eng Tow mendapat inspirasi daripada koleksi porselin putih di Muzium Tamadun Asia (ACM) serta ruang yang luas di galeri baharu ini. Beliau tertarik dengan bentuk sebutir beras biasa, iaitu makanan ruji di Asia. Beliau kagum dengan keringkasan bentuk sebutir beras dan kaitan yang wujud antara nasi dengan pelbagai kebudayaan.

Cara arca ini dibentuk, daripada teras kasar, kemudian lapisan demi lapisan bahan, dan akhirnya diselaputi warna yang terang, seperti menggambarkan struktur butir-butir beras: dari endosperma, ke germa, dedak, dan sekam.

Beras menampung setengah kehidupan di bumi di mana 90% padi ditanam dan hasilnya dimakan di Asia. Penanaman padi telah mendatangkan pengaruh yang besar kepada geografi, ekonomi, politik, dan budaya seluruh benua ini.

Eng Tow dilahirkan di Singapura dan menyambung pelajarannya di Royal College of Art di London. Beliau terkenal dengan karya pembinaan daripada tekstil dan kertas. Eng Tow telah menghasilkan karya bagi Kementerian Luar Negeri, stesen MRT Kovan, dan St Regis di Singapura.

### **Seni kontemporari di ACM**

Galeri Kwek Hong Png Wing ini merupakan latar bagi projek-projek khas yang menerokai koleksi Muzium Tamadun Asia. Sepertimana jaringan titanium dan kaca membentuk garis bangunan bersejarah, seniman moden boleh memberikan pandangan baharu terhadap seni zaman silam.